

DW 2.4: Memperkenalkan Program *Volunteerism* Desa bagi menggalakkan Pelancongan Eko dan Pendidikan Serta Aktiviti Bersama Komuniti

CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

Justifikasi Cadangan:

- Cadangan ini adalah bagi menjadikan Kawasan desa terpilih menjadi pilihan kepada pelancong yang ingin mengamalkan konsep sukarela (*volunteer*), di mana pelancong menjalankan aktiviti pemuliharaan dan pendidikan.

Komponen Cadangan:

- Melaksanakan program tanam semula pokok serta menyemai benih pokok di kalangan komuniti dan pelancong secara berterusan.
- Menjalankan program pembersihan sungai atau kampung dengan pelbagai pihak serta kumpul barang kitar semula *Waste To Cash* di Desa.
- Menjadikan beberapa destinasi pelancongan desa sebagai pusat pendidikan alam semulajadi.
- Menggalakkan program Kampung Hijau di kawasan tarikan pelancongan.
- Mempromosikan program *Work for Your Stay* yang menggalakkan sukarelawan *backpackers* untuk menjalankan aktiviti sukarelawan.
- Menggalakkan aktiviti *Go Green* seperti di Muar yang dijalankan di Hutan Simpan Ayer Hitam.
- Program *Wild Life* hidupan liar.

Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan dan pengurusan projek antara agensi awam dan swasta.

Jadual 4.4: Senarai Kampung Terlibat bagi Program *Volunteerism* Desa

Bil.	Kampung	Bil.	Kampung
Daerah Muar		Daerah Segamat	
1	Kg. Parit Karoma	1	Kg. Jabi
2	Kg. Parit Tiram	2	Kg. Sermin
3	Kg. Lenga	3	Kg. Gelang Chin Chin
4	Kg. Parit Sakai	4	Kg. Batu Badak
5	Kg. Parit Unas Darat	5	Kg. FELDA Tenang
6	Kg. Sungai Balang	6	Kg. Tekam
7	Kg. Sarang Buaya	7	Kg. Paya Pulai
8	Kg. Paya Lempah	8	Kg. Bukit Siput
9	Kg. Parit Jawa	Daerah Tangkak	
10	Kg. Paya Redan	1	Kg. Sagil
11	Kg. Gersik	2	Kg. Serom
12	Kg. Sri Menanti	3	Kg. Durian Chondong
13	Kg. Bakri	4	Kg. Teluk Rimba
		5	Kg. Sawah Ring
		6	Kg. Penarik

Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan **27 kampung** berpotensi.

Daerah	Kampung Luar Bandar
Muar	13
Segamat	8
Tangkak	6
Jumlah	27

AGENSI PELAKSANA


Pemula	Pelaksana
<ul style="list-style-type: none"> • MOTAC • <i>Tourism</i> Johor 	<ul style="list-style-type: none"> • PBT • NGO – WWF, MNS, <i>Wetland International</i> • Swasta – Khazanah, Petronas, Dialog,

ANGGARAN KOS


- Kos pemasaran dan promosi: RM 15,000 ribu per kampung sepanjang fasa 1 (3 tahun) dengan jumlah kos RM 405,000.

Jumlah Keseluruhan Kos: RM 405,000

FASA PELAKSANAAN



Rajah 4.30: Model Pengurusan Cadangan Pembangunan Program *Volunteerism* Desa



Sumber: Kajian PHS Desa Negeri Johor (Fasa 3: Johor Utara), 2021

Penanda Aras Kajian

Program *Fuze Ecoteer Malaysia* di Pulau Perhentian menawarkan aktiviti dan pakej pelancongan sukarelawan di kawasan kampung.



Foto: Pakej pelancongan *homestay* bersama penduduk dengan aktiviti mengutip sampah di sepanjang pantai, Pulau Perhentian.

Program *Trash Hero Malaysia* di Mersing merupakan inisiatif pihak PBT dan Pejabat Daerah bersama NGO bagi kempen kutip sampah sambil riadah.



Foto: Kempen kutip sampah sambil beriadah bersama keluarga di kawasan pantai di Mersing.